



INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN EDUCATION (IJMOE)

www.ijmoe.com



PENELITIAN TERHADAP ELEMEN ISLAMI DALAM ANTOLOGI “TITIR ZIKIR” KARYA KEMALA

A RESEARCH ON ISLAMIC ELEMENT IN “TITIR ZIKIR” BY KEMALA

Nur Farhana Mohamad Zainol^{1*}, Rahmah Ahmad H. Osman²

¹ Department of Arabic Language and Literature, International Islamic University Malaysia, Malaysia
Email: profarhana@gmail.com

² Department of Arabic Language and Literature, International Islamic University Malaysia, Malaysia
Email: rahmahao@iium.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.10.2023

Revised date: 16.11.2023

Accepted date: 05.12.2023

Published date: 14.12.2023

To cite this document:

Zainol, N. F. M., & Osman, R. A. H. (2023). Penelitian Terhadap Elemen Islami Dalam Antologi “Titir Zikir” Karya Kemala. *International Journal of Modern Education*, 5 (19), 151-165.

DOI: 10.35631/IJMOE.519011

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Perbincangan mengenai sastera Islami merupakan suatu perkara yang tidak asing lagi dalam industri kepengarangan dan kritikan sastera, khususnya apabila gagasan teori sastera Islami hangat diperdebatkan oleh tokoh-tokoh pemikir Islam di tanah Arab abad ke-20. Perbincangan tersebut tidak hanya terhenti di tanah Arab, akan tetapi tersebar meluas ke alam Melayu sehingga muncul pula tokoh-tokoh sasterawan Melayu yang juga bangkit membincangkan secara aktif tentang karya-karya sastera tanah air yang berunsur Islami. Bertitik tolak daripada perkara ini, kajian ini dijalankan bagi membahaskan secara terperinci tentang elemen-elemen Islami yang dapat dipetik menerusi karya seorang sasterawan Melayu moden, Kemala, iaitu antologi puisinya yang berjudul “Titir Zikir”, memandangkan Kemala merupakan seorang sasterawan yang banyak memaparkan unsur-unsur Islami dalam karya-karyanya. Kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif di mana ia menganalisa topik-topik Islami yang dibawa oleh Kemala di dalam antologinya ini, khususnya kerana topik-topik ini bervariasi dan tidak hanya tertumpu kepada topik berkaitan “ibadah dan syariat sahaja. Kajian mendapati bahawa Kemala sememangnya merupakan seorang sasterawan Melayu yang mementingkan elemen-elemen Islami dalam penulisannya, bahkan terdapat banyak karyanya yang menzahirkan elemen Islami sama ada secara langsung atau tidak langsung. Adapun elemen-elemen Islami yang ditonjolkan di dalam antologi “Titir Zikir” jelas memaparkan weltanschauung Kemala yang meluas terhadap kehidupan, khususnya apabila beliau mengolah elemen Islami tersebut dalam pelbagai topik dan aspek kehidupan termasuklah muhasabah diri, hubungan kekeluargaan, kematian, keadilan, kerinduan seorang hamba kepada penciptanya, dan lain-lain.

Kata Kunci:

Pemikiran Islam, Sastra Melayu Modern, Kemala, "Titir Zikir".

Abstract:

The topic of Islamic literature is nowadays considered as a common discussion in the field of authorship and literary criticism, especially when the theory of Islamic literature being debated widely among the 20th century-prominent Islamic thinkers in Arab countries. The discussion regarding this matter have then spread widely to the Malay world to the extent where there are some Malay literary figures who also began to discuss actively about the Malay literary works which encompass Islamic elements in it. Hence based on this matter, this study was conducted to discuss in detail about the Islamic elements existed in the anthology entitled "Titir Zikir", written by a modern Malay writer, Kemala. This study uses the descriptive analysis method where it analyzes the variety of Islamic topics brought by Kemala in this anthology. This study found that Kemala is undoubtedly a Malay writer who emphasizes Islamic elements in many of his writings, either through direct or indirect form. Meanwhile the Islamic elements that were highlighted and featured in the anthology "Titir Zikir" have clearly represent Kemala's wide-range's view towards life, especially when he cultivates the Islamic elements in various topics and various aspects of life including self-reflection, family relationships, death, justice, the longing of a servant to their creator, and many other topics.

Keywords:

Islamic Thought, Malay Modern Literature, Kemala, "Titir Zikir".

Pengenalan

Perbincangan mengenai sastra Islam menimbulkan perdebatan yang luas dalam kalangan pengkaji sastra sejak zaman dahulu sehingga ke harini. Berikutan itu, muncul takrifan yang berbeza mengenai sastra Islam. Said Qutb menyatakan tentang sastra Islam di dalam bukunya *Fi al-Tārikh Fikrah wa Manhaj* bahawa: «Sastra Islam bukan sekadar berbicara tentang agama Islam, mahupun tentang sejarahnya, atau figura-figuranya, akan tetapi ia merupakan ungkapan yang terhasil daripada ketundukkan diri kepada kesedaran Islami dan itu sahaja sudah memadai» (Said Qutb, 1979: 28). Adapun Muhammad Qutb mentafsirkan sastra Islam sebagai: «Tidak semestinya ia membicarakan tentang Islam... dan tidak pula ia membicarakan tentang hakikat-hakikat akidah yang terpapar dalam ungkapan falsafah semata, akan tetapi ia merupakan seni mengenai sebuah kewujudan yang dipaparkan melalui gambaran Islam. Ia merupakan ungkapan indah tentang alam semesta, kehidupan dan manusia, melalui sebuah gambaran Islam» (Muhammad Qutb, 1983: 6).

Di sini dapat difahami bahawa sastra Islam pada pandangan kedua-dua pemikir Islam ini tidak hanya tertumpu kepada perbincangan tentang agama Islam sahaja, sebaliknya ia lebih luas daripada itu, di mana seorang sasterawan Muslim yang hendak berkarya mestilah berpegang kepada prinsip Islam yang lurus dan benar. Pengkaji Adli Yaacob melihat bahawa teori sastra Islam yang diketengahkan oleh Muhammad Qutb telah menjadi rujukan bagi kebanyakan sasterawan dan pemikir Islam yang membahaskan tentang tajuk sastra Islam, baik dalam kalangan bangsa Arab, mahupun yang bukan berbangsa Arab (Adli, 2014: 187).

Adapun dalam kalangan pemikir Melayu, kita akan dapati bahawa Said Naquib al-Attas tidak menyebut perkataan sastra Islam secara langsung, akan tetapi ketika membicarakan tentang sastra, hakikatnya beliau memaksudkan sastra Islam. Muhammad Kamal Hasan pula biarpun tidak berbicara panjang mengenai sastra Islam, namun beliau dilihat memberi sumbangan yang besar dalam konteks penakrifan sastra Islam, di mana beliau melihat bahawa setiap karya seni merupakan sebahagian daripada sebuah kebudayaan, maka kerana itu ia mestilah menampilkan peranan dan tanggungjawab manusia sebagai pembawa amanah Tuhannya». Manakala Ismail Ibrahim menegaskan bahawa sastra Islam mestilah dibina atas dasar tauhid, serta dihasilkan daripada sebuah keikhlasan kepada Allah (Adli, 2014: 191, 197 & 200).

Berdasarkan konsep-konsep sastra Islam yang disebutkan sama ada oleh pemikir Islam Arab ataupun Melayu, dapatlah kita fahami bahawa sastra Islam biarpun ia tidak hanya membiicarakan tentang agama Islam itu sendiri, akan tetapi ia mestilah didasarkan kepada prinsip-prinsip Islam. Begitu juga sasterawan yang menulis karya-karya sastra Islami, mereka juga mestilah berpegang kepada prinsip-prinsip Islam, dan inilah yang dimaksudkan dengan konsep sastra Islam, dan konsep ini tidak hanya terpakai kepada sastra Arab, bahkan diaplikasikan dalam sastra Melayu juga.

Rentetan daripada itu, pengkaji cuba untuk menganalisa salah sebuah karya sastra Melayu iaitulah antologi “Titir Zikir”, hasil karya sasterawan Melayu tersohor, Ahmad Kamal Abdullah, atau lebih dikenali sebagai Kemala, memandangkan Kemala merupakan salah seorang sasterawan Melayu yang sangat mementingkan aspek-aspek pemikiran Islam dalam penghasilan karyanya. Beliau juga dilihat tidak hanya tertumpu kepada perhabasan mengenai syariat dan ibadat sahaja, akan tetapi karya-karyanya dilihat membawa tajuk yang meluas dan bervariasi, namun dalam masa yang sama, masih memaparkan elemen Islam di dalamnya. Dan menurut pandangan pengkaji, antologi “Titir Zikir” sedikit berbeza daripada antologi-antologi Kemala yang lain, kerana puisi-puisi yang terkandung di dalamnya ditulis oleh Kemala ketika beliau sedang mengembara, maka kita dapat lihat bahawa puisi-puisi tersebut berkait secara langsung atau tidak langsung dengan keadaan semasa negara yang dilawatinya ketika itu. Namun begitu, isi kandungan puisi tersebut masih berkisar tentang nilai-nilai Islami, dan perkara inilah yang mendorong pengkaji untuk mengkaji dengan lebih mendalam, sebelum kemudiannya menyimpulkan sama ada karya ini tergolong dalam kategori sastra Islam ataupun tidak. Pengkaji hanya menfokuskan kepada tujuh puisi yang dipilih daripada antologi ini sebagai bahan kajian, iaitu puisi berjudul: “Tasbih”, “Gunung dan Lembah California”, “Di Makam Syekh Kuala, Aceh Januari 1993”, “Perkahwinan (Untuk Pon)”, “Kasih”, “Orangtua Sepi”, dan “Kepada Diri”.

Tinjauan Literatur

Pemikiran Islam dan Sastra Melayu

Elemen pemikiran Islam dalam sastra bukan lagi merupakan topik yang asing dalam arena sastra tanah air. Antara kajian yang membahaskan tentang topik ini adalah:

(1) “Perkembangan Pemikiran Sastra Islam di Alam Melayu” (2020), ditulis oleh pengkaji Ahmad Nabil dan Tasnim Abdul Rahman. Kajian ini membahaskan secara terperinci tentang gagasan fikrah dan falsafah kesusasteraan yang dibentuk oleh sastra Islami, sejarah

kemunculan sastera Islami di tanah Melayu dan bagaimana ia berkembang, serta tokoh tanah air yang memperjuangkannya.

(2) “Pengaruh Islam dalam Perkembangan Intelektual di Alam Melayu” (2014), ditulis oleh pengkaji Mohd Zahirwan et.al. Kajian ini membincangkan tentang kesan kedatangan Islam terhadap perkembangan intelektual, pendidikan, dan keilmuan masyarakat Melayu. Adapun dalam konteks penulisan, kajian ini hanya memfokuskan pengaruh Islam terhadap penulisan Melayu tradisional dan tidak menyentuh tentang penulisan pada zaman moden ini.

Pemikiran Islam dalam Karya Kemala

Memandangkan Kemala dikenali sebagai seorang sasterawan Melayu yang banyak mengenengahkan elemen-elemen Islami di dalam karya-karyanya, baik secara langsung atau secara tidak langsung, maka terdapat kajian dan kritikan sastera yang ditulis bagi mengupas elemen-elemen Islami tersebut menurut pelbagai perspektif dan skop kajian, walaupun jumlah kajian yang dijalankan masih agak sedikit jumlahnya. Antara kajian yang ditulis berkaitan Kemala dan sastera Islami adalah:

(1) “Konsep Sastera Islam oleh Kemala dan al-Nadwi: Satu Perbandingan” (2019), ditulis oleh pengkaji Amal ‘Aqilah Ismail dan Nursafira Ahmad Safian. Kajian ini tidak menganalisa elemen-elemen Islami yang terdapat dalam karya-karya penulisan Kemala, akan tetapi kajian ini memfokuskan teori sastera Islami itu sendiri yang dibawa oleh Kemala, serta mendatangkan perbandingan dengan teori sastera Islami yang dibawa oleh al-Nadwi.

(2) “Jamaliyat Syi’ru al- Ghazal al-Sufi ‘inda al-Syair al-Malizy, Ahmad Kamal Abdullah (Kemala)” (2018), ditulis oleh pengkaji Aisyah Ishak dan Rosni Samah. Kajian ini membahaskan tentang keindahan unsur-unsur sufistik yang terdapat dalam karya Kemala di samping membahaskan tentang beberapa elemen berkaitan struktur ayat dan konteks penggunaan bahasa. Namun kajian ini tidak membincangkan tentang unsur dan elemen Islami di dalam karya Kemala secara meluas (seperti topik kekeluargaan), memandangkan kajian ini hanya berpusat kepada gambaran sufistik seperti cinta kepada Tuhan dan kepada Nabi.

(3) “Pemikiran Islam dalam ‘Ayn Karya Kemala” (2015), ditulis oleh pengkaji Nurul Hilwany. Kajian ini jelas membahaskan secara terperinci tentang elemen pemikiran Islam yang terkandung dalam Kumpulan puisi “‘Ayn” karya Kemala, tanpa membincangkan elemen tersebut dalam mana-mana karyanya yang lain.

Rumusan Jurang Perbezaan Antara Kajian Terdahulu Dan Kajian Kini:

Pemikiran Islam dan Sastera Melayu			
No.	Kajian terdahulu		Kajian kini
1	“Perkembangan Pemikiran Sastera Islam di Alam Melayu”. (Ahmad Nabil & Tasnim Abdul Rahman: 2020)	Kajian membahaskan tokoh yang memperjuangkan sastera Islami di tanah Melayu.	Skop kajian tidak meliputi tokoh yang memperjuangkan sastera Islami di alam Melayu.
2	“Pengaruh Islam dalam Perkembangan Intelektual di Alam Melayu”. (Mohd Zahirwan et.al: 2014).	Kajian membincangkan tentang pengaruh Islam dalam konteks Pendidikan di tanah Melayu.	Kajian kini hanya memfokuskan pada elemen Islami dalam konteks penulisan

			kreatif, dan bukan pendidikan.
Pemikiran Islam dalam Karya Kemala			
1	“Konsep Sastera Islam oleh Kemala dan al-Nadwi: Satu Perbandingan”. (‘Aqilah Ismail & Nursafira Ahmad Safian: 2019).	Kajian berpusat pada konteks teori sastera Islami.	Kajian berpusat pada konteks menganalisa sastera Islami secara praktikal.
2	“Jamāliyyāt Syi’ru al- Ghazal al-Sufi ‘inda al-Syāir al-Mālīzy, Ahmad Kamal Abdullah (Kemala)”. (Aisyah Ishak & Rosni Samah: 2018).	Kajian membahaskan tentang topik berunsur sufistik sahaja.	Kajian membahaskan topik yang meluas yang dikupas oleh Kemala dalam karyanya, namun dalam masa yang sama topik ini masih di bawah klasifikasi topik Islami.
3	“Pemikiran Islam dalam ‘Ayn Karya Kemala”. (Nurul Hilwany: 2015).	Kajian membincangkan pemikiran Islam dalam “‘Ayn” karya Kemala.	Kajian membincangkan pemikiran Islam dalam “Titir Zikir” karya Kemala.

Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif di mana ia menganalisa topik-topik Islami yang dibawa oleh Kemala di dalam antologinya ini, khususnya kerana topik-topik ini bervariasi dan tidak hanya tertumpu kepada topik berkaitan ‘ibadah dan syariat sahaja. Puisi yang dipilih sebagai bahan kajian adalah: “Tasbih”, “Gunung dan Lembah California”, “Di Makam Syekh Kuala, Aceh Januari 1993”, “Perkahwinan (Untuk Pon)”, “Kasih”, “Orangtua Sepi”, dan “Kepada Diri”.

Dapatan Kajian

Sastera Melayu dan Manifestasi Elemen Islami

Islam memainkan peranan penting dalam mengubah corak kehidupan bangsa Arab pada zaman dahulu, baik daripada segi agama, cara pemikiran, kehidupan bermasyarakat serta urusan-urusan politik. Kehadiran Islam juga telah menyebarkan bahasa Arab khususnya dalam konteks sastera dan seni. Dan sumber utama yang mendorong kepada perubahan bentuk sastera Arab sejak kedatangan Islam tidak lain tidak bukan kerana turunnya Al-Quran yang menjadi panduan orang Islam dalam setiap aspek kehidupan. Malahan dengan kehadiran Islam juga budaya Arab Islami serta kesusasteraannya telah tersebar sehingga ke tanah Melayu, begitu juga tulisan dan kosa kata bahasa Melayu yang dipengaruhi dengan tulisan bahasa Arab. Sastera Arab berbentuk cerita dan syair juga tersebar ke dalam sastera Melayu, dan ini membuktikan bahawa Islam telah membawa satu perubahan dan pembaharuan terhadap kehidupan bangsa Melayu dalam setiap aspek kehidupannya baik daripada segi agama, politik, budaya, bahasa serta sasteranya. Maka dapat dibuktikan bahawa Islam bukan hanya tersebar sebagai asas agama sahaja, sebaliknya tersebar sekali bersamanya budaya Arab dan sastera Arab Islam (Rosni, t.th: 342 & 354).

Apabila berbicara tentang sastra Melayu, kita harus mengetahui terlebih dahulu bahawa nusantara Melayu sebelum kedatangan Islam telah dipengaruhi oleh ajaran Hindu, bahkan dalam kebanyakan aspek budaya Melayu termasuklah sastranya. Sehubungan itu, kitab 'Mahabharata' dan 'Ramayana' telah menjadi rujukan utama bagi sastra Melayu ketika itu. Malahan boleh dikatakan bahawa sastra Melayu pada zaman itu merupakan imitasi bagi sastra dan budaya Hindu. Namun begitu terdapat beberapa pemikir Islam pada zaman moden ini seperti Said Naquib al-Attas yang menegaskan bahawa Hindu pada hakikatnya tidak pun memberi kesan yang besar terhadap sastra Melayu, bahkan mereka yang mendakwa akan pengaruh Hindu terhadap sastra dan budaya bangsa Melayu pada hakikatnya merupakan puak orientalis yang cuba melenyapkan pengaruh dan anasir Islam terhadap sastra Melayu (Mana Sikana, 1983: 16-17). Rentetan daripada ini kita tertanya-tanya bilakah sastra Melayu dipengaruhi oleh Islam, adakah pada permulaan kedatangan Islam ke alam Melayu atau, atau pada zaman-zaman selepasnya, atau adakah sastra Melayu pada zaman dahulu langsung tidak dipengaruhi oleh Islam?

Untuk menjawab persoalan ini, pengkaji mendatangkan pernyataan yang dibawakan oleh pemikir dan sastrawan Melayu Manasikana (1983) dalam bukunya "Pemikiran Islam dalam Sastra Melayu" iaitu di mana beliau berkata bahawa keusasteraan Melayu pada zaman dahulu pernah dijajah oleh Hindu, dan ini sudah pastilah kerana Hindu pernah bertapak di tanah Melayu suatu ketika dahulu, bahkan pengaruh Hindu dilihat dominan dalam kesusteraan Melayu khususnya dua bahan sastra yang cukup terkenal iaitulah Mahabharata dan Ramayana. Pun begitu, Sejarah membuktikan bahawa pengaruh Hindu tersebut tidak pun meningkatkan sastra Melayu kearah sastra yang lebih baik, bahkan ia hanya berfokuskan kepada nilai seni sahaja tanpa adanya nilai-nilai yang dapat menyuburkan pemikiran dengan falsafah-falsafah hidup yang bermakna. Justeru apabila Islam datang ke alam nusantara, dan diterima dengan baik sekali oleh penduduk-penduduknya dek kerana nilai-nilai keagamaannya yang tinggi, maka sastra Islam mula mendominasi Sastra Melayu (Mana Sikana, 1983: 17-18).

Manakala pengkaji Rahmah Ahmad H. Osman dan Adli Yaacob melihat bahawa warisan Islam terpapar dengan jelas dalam sastra Melayu, bahkan kebanyakan jenis sastra Melayu mempunyai kaitan yang kukuh dengan warisan-warisan tersebut. Terdapat tiga jenis puisi Melayu sebelum kedatangan Islam iaitu pantun, seloka, gurindam, adapun selepas kedatangan Islam ke tanah melayu, muncul jenis sastra Melayu baharu yang dikenali sebagai syair. Umum mengetahui bahawa syair merupakan salah satu jenis sastra Arab yang mempunyai *wazan* atau *bahar* khusus, dikenali sebagai 'Arudh, dan setiap bait mempunyai rima-rima tertentu yang dikenali sebagai *Qafiyah*. Akan tetapi syair Melayu berbeza dengan syair Arab kerana «ia mengandungi bait-bait yang terdiri daripada empat baris yang serupa rimanya, setiap baris kebiasannya mengandungi jumlah minimum 4 perkataan, dan ia juga mempunyai sama ada 8, 9, 10 atau 12 sukukata» (Rahmah & Adli, 2008: 48-49). Adapun prosa Melayu Islami menurut pengkaji-pengkaji tersebut terbahagi sembilan bahagian iaitu: sastra yang berkaitan kitab, para nabi, ulama' Islam, pahlawan Islam, kisah para salihin serta kisah-kisah yang mempunyai unsur-unsur Islami, kisah yang diterjemahkan daripada sastra Parsi, sastra berkenaan sejarah, dan yang berkait dengan pentadbiran negara serta sastra yang berstruktur (Rahmah & Adli, 2008: 21-22).

Biografi Ringkas Kemala

Ahmad Kamal Abdullah merupakan salah seorang sasterawan Melayu moden yang terkenal dengan karya-karya yang bersifat islamik. Beliau dilahirkan di sebuah kampung di Gombak pada tahun 1941, dan beliau merupakan anak ketiga dalam kalangan adik beradiknya (Dewan Bahasa & Pustaka, t.th). Beliau dikenali dengan gelaran Kemala, A.K., Akmal Jiwa, Dur Kasih, Nir Hiryati dan Nirwana (Dewan bahasa dan Pustaka, 2016).

Adapun bapanya, Abdullah Haji Daud merupakan lulusan Malay College Kuala Kangsar, Perak, iaitu sebuah sekolah yang dibangunkan oleh pihak British khusus untuk anak-anak elit. Beliau meninggal pada tahun 1945, dan Kemala pada ketika itu baru sahaja berusia empat tahun. Manakala ibunya, Rukiyah binti Amir meninggal dunia pada tahun 1957. Rukiyah merupakan seorang ibu yang penyayang. Beliau sering bercerita dan membacakan syair-syair kepada Kemala sebelum waktu tidurnya. Kelembutan seorang ibu dan keindahan dendangan syair serta cerita-cerita ini membekas dalam jiwa Kemala dan memberi kesan yang mendalam terhadap dirinya (Dewan bahasa dan Pustaka, 2016).

Kemala juga sempat menuntut ilmu agama seperti Al-Quran, tafsir dan Fiqh dengan datuknya ketika beliau masih kecil lagi, sehinggalah beliau mahir tentang Al-Quran, bahkan uslub-uslub Quran dilihat terparap dalam karyanya yang terkandung dalam antologi “Ayn”, “Mim”, dan “Sumsun Bulan Rawan” (Dewan Bahasa & Pustaka, t.th).

Isteri Kemala pula yang dikenali sebagai Bun Maryam binti Raja Syamsusah mendorongnya dalam bidang sastera ini. Kemala sangat mementingkan Al-Quran dan ilmu agama dalam mendidik anak-anaknya, sehinggakan beliau menghasilkan sebuah puisi indah ketika mengajar anaknya membaca Surah al-Baqarah.

Adapun berkaitan perjalanan pembelajarannya, pengkaji mendapati bahawa Kemala belajar di beberapa buah sekolah sebelum melanjutkan pelajarannya di Maktab Perguruan Sultan Idris pada tahun 1958 sehingga 1962. Kemala mula menulis pada tahun 1954, dan karya-karyanya diterbitkan di beberapa akhbar-akhbar tempatan serta majalah-majalah kebangsaan. Karya dramanya yang bertajuk “Lembayung Senja” juga dipentaskan di dewan kuliah universiti. Selepas daripada itu, Kemala bekerja sebagai guru di sekolah, dan minatnya terhadap sastera melayu moden kekal berterusan, sehinggalah pada awal 1970-an karya-karyanya disiarkan di platform media bersama penyair-penyair Malaysia yang lain (Dewan bahasa dan Pustaka, 2016).

Kemala sangat meminati sastera, kerana itulah beliau menyertai Universiti Sains Malaysia untuk menguasainya sehingga beliau berjaya memperoleh ijazah sarjana muda pada tahun 1980 dan ijazah sarjana pada tahun 1985 dari universiti tersebut. Kemala kemudiannya menyertai Gabungan Persatuan Penulis Nasional yang dikenali sebagai GAPENA pada tahun 1972 sehinggalah tahun 1974. Selain daripada itu, beliau juga merupakan ahli Persatuan Penulis Nasional Malaysia yang dikenali sebagai PENA dari tahun 1983 sehingga tahun 1987. Dalam kesibukannya beliau sempat mengembara ke Amerika Syarikat pada tahun 1993 untuk bertemu dengan penyair Amerika yang terkenal iaitu Dr. Paul Engle (Dewan bahasa dan Pustaka, 2016).

Bakat penulisan Kemala lebih terserlah dan namanya semakin dikenali ketika beliau bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1968 di mana beliau bekerja sebagai penolong penyunting, editor majalah-majalah sastera, dan lain-lain sehingga beliau menjadi ketua Jabatan

Kesusasteraan Bandingan dan bersara pada tahun 1996 (Dewan Bahasa & Pustaka, t.th). Namun begitu, beliau mashi tidak berhenti daripada kerjayanya, bahkan beliau menyambung pelajarannya dalam bidang sastera Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia, dan memperoleh ijazah kedoktoran pada tahun 2000 (Dewan bahasa dan Pustaka, 2016).

Memandangkan Kamala seorang penulis dan pengkritik sastera yang mantap, maka terserlah kekuatan bahasanya, pengalamannya, dan kesungguhannya dalam kritikan terhadap isu-isu kemasyarakatan dalam karya-karyanya. Berikutan itu, terpapar melalui penulisannya tema-tema seputar ketuhanan, kerohanian, dan kemanusiaan, khususnya dalam antologinya yang berjudul “Meditasi”, “Titir Zikir” dan “Mim” (Dewan bahasa dan Pustaka, 2016).

Kemala mula menulis puisi sejak beliau di sekolah rendah. Beliau aktif dalam penulisan karya sastera yang terdiri daripada puisi, cerpen, drama, cerita kanak-kanak, artikel dan buku ilmiah. Karya-karyanya telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa asing, termasuklah bahasa Cina, Urdu, Perancis, Jerman, Belanda, Slovenia, Sepanyol dan Serbo-Croatian (Bernama, 2018). Dan karya-karya ini juga telah melayakkannya untuk memenangi pelbagai anugerah berprestij seperti Anugerah Sasterawan Negara Malaysia pada tahun 2011 (Dewan Bahasa & Pustaka, 2020). Anugerah ini merupakan salah satu anugerah kesusasteraan yang tertinggi di Malaysia, dan dengan mendapat anugerah ini, Kemala secara rasminya menjadi Sasterawan Malaysia ke-11.

Antologi “Titir Zikir”

Antologi “Titir Zikir” diterbitkan oleh syarikat penerbitan Pustakan Cipta Sdn. Bhd. pada tahun 1995. Antologi ini merupakan kumpulan puisi yang ditulis oleh Kemala ketika mengembara ke beberapa buah negara di luar Malaysia seperti San Francisco, Paris, London, California, Indonesia, Singapura dan lain-lain, juga ketika beliau mengembara ke beberapa buah negeri dalam Malaysia seperti Langkawi dan Kuala Selangor. Antologi ini terbahagi kepada dua bahagian, yang pertama dinamakan sebagai “Titir” dan ia berkisar tentang konflik kerohanian yang berkaitan dengan urusan keduniaan, dan ia mengandungi 28 puisi, Adapun bahagian yang kedua dinamakan sebagai “Zikir” di mana ia berkisar tentang urusan akhirat, dan ia mengandungi 29 puisi. Perlu dinyatakan bahawa pengkaji hanya akan mengkaji bahagian kedua daripada antologi ini iaitu bahagian “Zikir” supaya kajian bersifat lebih fokus dan berpusat. Pun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua bahagian daripada antologi ini mengandungi unsur-unsur mengingati Allah, memuji Allah dan doa. Pemikir dan sasterawan Melayu Baha Zain melihat bahawa antologi yang ditulis oleh Kemala dalam tempoh 1982-1994 ini menggambarkan seolah-olah Kemala sedang bertasbih dan mengingati Tuhannya sepanjang dalam pengembaraannya ini (Kemala, 1995: 85).

Elemen Islami dalam Antologi “Titir Zikir”

Isi-isi berkaitan gambaran dan prinsip Islam bukan sesuatu yang asing dalam karya-karya Kemala, bahkan ia banyak terpapar dalam penulisannya seperti yang terkandung dalam antologi “Ayn” yang diterbitkan pada tahun 1983, juga antologi “Pelabuhan Putih”, diterbitkan pada tahun 1989, serta antologi “Titir Zikir” yang diterbitkan pada tahun 1995, kemudian antologi “Mim” yang diterbitkan pada tahun 1999. Ini jelas menunjukkan bahawa Kemala sangat mementingkan unsur-unsur Islami dalam penghasilan seni sastera, bahkan bahan-bahan rujukan yang digunakan oleh Kemala ketika berkarya semuanya rujukan yang baik dan memaparkan nilai-nilai kesucian. Dan antara rujukannya adalah al-Quran, sirah para Rasul, dan jejak para *fuqaha*’ (Mana Sikana, 2015: 246).

Tambahan pula, karya-karya Kemala bukan hanya sekadar sebuah ungkapan indah yang menggambarkan perasaan dalamannya, akan tetapi ia lebih daripada itu. Karya-karya Kemala pada hakikatnya merupakan gambaran tentang keagungan dan kebesaran Allah, namun pengkaji-pengkaji karya sastera Kemala haruslah meneliti secara harus setiap bait-bait puisinya sehinggalah dapat memahami unsur-unsur perlambangan dan retorika yang terdapat di dalamnya. Biarpun Kemala merupakan seorang sasterawan yang sangat mementingkan aspek-aspek kerohanian dalam penulisan sasteranya, namun menurut pemikir Melayu Manasikana, beliau tidak sewajarnya diklasifikasikan sebagai penyair sufi, bahkan Kemala sendiri sesekali tidak mahu dirinya tenggelam dalam tasawwuf (Mana Sikana, 2015: 246-247).

Dan seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, antologi “Titir Zikir” terbahagi kepada dua bahagian, yang pertama dinamakan sebagai “Titir” iaitulah yang membawa maksud bunyi canang; gendang; ketuk-ketuk dan sebagainya, dan bahagian ini mengandungi kumpulan puisi yang berkisar tentang konflik kerohanian serta psikologi yang berkaitan dengan urusan-urusan duniawi. Adapun bahagian kedua dinamakan “Zikir” dan ia bermaksud pengagungan dan pujian kepada Allah, dan bahagian ini berkisar tentang perkara-perkara akhirat (Kemala, 1995: viii).

Antologi ini sedikit berbeza daripada antologi-antologinya yang lain, kerana kebanyakan puisi di dalam antologi ini ditulis oleh Kemala semasa beliau dalam pengembaraan ke luar negara seperti puisi “Di kota London” yang ditulis oleh Kemala ketika beliau bermusafir ke London, puisi “Kepada Hafiz al-Shirazi” yang ditulis olehnya ketika beliau berada di Honolulu, kemudian puisi “Tasbih” yang dirakamnya saat berada di San Francisco, dan lain-lain. Unsur-unsur alam semulajadi juga banyak dilihat tergambar di dalam kumpulan puisi ini sepertimana wujudnya perkataan salji, laut, tasik, manusia dan sebagainya.

Manasikana juga melihat bahawa terdapat ramainya penulis yang mampu menulis karya yang berkait dengan elemen-elemen Islami, namun kebanyakannya seringkali cenderung kepada tasawwuf dan hukum syariat, bahkan terkadang ada unsur kepura-puraan di dalam karya-karya mereka, dan ini ternyata mengurangkan lagi nilai estetika karya tersebut. Akan tetapi Kemala dalam menggambarkan elemen Islami ini tidak cenderung kepada menjelaskan hukum-hukum syariat, sebaliknya beliau mengungkapkan usaha mendekati penciptanya. Lalu Manasikana berpendapat bahawa usaha ini bukan mudah, pun begitu Kemala berjaya melakukannya, dan ini sudah pasti berbalik kepada pengetahuannya tentang Islam khususnya perkara-perkara akidah dan muamalat. Walaupun bentuk ayatnya yang terkadang kompleks, bahkan terkadang mengandungi perkataan-perkataan yang sama-samar dan susah untuk difahami, namun Manasikana melihat bahawa ia tidaklah terlalu sukar seandainya kita berusaha untuk memahami makna yang cuba disampaikan oleh Kemala (Mana Sikana, 2015: 246). Lalu apabila kita melihat kepada puisi “Tasbih” yang ditulis oleh Kemala ketika beliau berada di San Francisco, kita akan dapati bahawa beliau menggambarkan kerinduannya kepada Tuhannya. Antara bait puisi tersebut seperti berikut (Kemala, 1995: 47):

Aku perindu kamil yang ‘ngembara
Mikraj di langit arasy-Mu

Biarpun puisi ini pendek, namun keindahannya terserlah kerana Kemala menggunakan unsur-unsur alam semulajadi sebagai elemen utama dalam puisi ini, di mana beliau menyebut tentang ikan, gunung dan lain-lain (Kemala, 1995: 47):

Gunung-gunung utuh mengharmoni dan tasbih
Tercipta lembah taman batini

Kita mengetahui bahawa alam semulajadi ini sememangnya merupakan manifestasi kebesaran dan keagungan Allah, bahkan terdapat ayat al-Quran yang menggalakkan manusia untuk mengamati alam semulajadi iaitu ayat ke-9 daripada surah Al- Imran:

﴿إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ﴾

dan ayat ke-164 daripada surah al-Baqarah:

﴿إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْمُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيَّاحِ وَالسَّحَابِ الْمُسْتَخَرِّ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ﴾

serta ayat 20 dan 21 daripada surah al-Zariyat:

﴿وَفِي الْأَرْضِ آيَاتٌ لِّلْمُوقِنِينَ (20) وَفِي أَنْفُسِكُمْ أَفَلَا تُبْصِرُونَ (21)﴾

dan ayat-ayat lain yang menunjukkan kepentingan mentadabbur alam semula jadi ini.

Seterusnya unsur-unsur alam semulajadi turut terpapar dalam puisinya yang berjudul “Gunung dan Lembah California”, di mana beliau menyebut tentang lembah, laut, gunung serta bulan, ombak, pokok, hutan dan keindahan California. Namun di sebalik keindahan itu, Kemala menggambarkan situasi semasa politik negara tersebut di mana beliau berbicara tentang keadilan, pemimpin, rasuah, harta kebendaan, terorisme dan sebagainya. Namun di hujung puisinya beliau menyatakan bahawa tanah California ini hakikatnya milik Allah, namun bagitu ia menyaksikan kezaliman yang berlaku di tempat tersebut (Kemala, 1995: 51-54):

Gunung dan lembah California
Menyaksikan kejahatan zaman
Antara *dollar* dan *revolver*

Kita mengetahui bahawa agama Islam itu tidak hanya terhad kepada perkara-perkara ibadah sahaja seperti solat, akan tetapi ia meliputi seluruh aspek kehidupan, dan urusan politik merupakan salah satu daripada cabang agama, bahkan antara agama dan politik itu ada satu hubungkait yang sangat rapat dan keduanya tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Menerusi puisi ini, Kemala berbicara tentang situasi penguasa dan pemerintah yang mengambil rasuah yang mana dalam masa yang sama, beliau seolah-olah mengingatkan kita tentang pentingnya memilih pemimpin yang baik dan yang terbaik khususnya yang bersifat dengan sifat amanah.

Adapun sekiranya kita melihat kepada puisi “Di Makam Syeikh Kuala, Aceh Januari 1993”, kita akan dapati bahawa Kemala berbicara tentang mengingati Allah, jihad, mukimin dan mukminat, syafaat serta pujian kepada Allah, dan cara beliau menggambarkan kesemua elemen Islami ini bukan seperti seseorang yang sedang mengajarkan ilmu syariat, akan tetapi seperti

seorang hamba yang sedang berusaha mendekati diri kepada Tuhannya (Kemala, 1995: 64-65):

Dengan nama Allah
Bersiaplah
Mengenal diri
Aku atau mu
Mukmin mukminah
Berebekal surah cinta Allah
Subhanallah Walhamdulillah
Walailahaillahu
Allahuakbar

Seterusnya pemikiran Islam terpapar dalam puisinya yang berjudul “Perkahwinan (untuk Pon)”, di mana beliau berkata tentang kehidupan kekeluargaan. Beliau menerusi puisi ini seperti mengimbas kembali memori di awal perkahwinannya dengan isterinya sehinggalah mereka dikurniakan cahaya mata. Beliau juga berbicara tentang cita-cita di mana beliau memuji isterinya yang memilih untuk menjadi pendidik, adapun beliau memilih untuk menjadi seorang penyair demi negaranya dan dunia (Kemala, 1995: 67):

Betapa bagusnyanya karier guru dan ibu, kau
Mengasuh anak-anak dan suami, ini pilihanmu
Dann aku menjadi penyair untuk tanah air dan dunia
Undangan dalam dan luar negara, baca
Puisi, diskusi dan seminar, inilah duniaku

Menerusi rangkap-rangkap puisi ini, dapat kita mengerti bahawa Kemala secara tidak langsung menggalakkan manusia untuk berusaha dan bekerja, bahkan Islam sendiri menggalakan setiap daripada umatnya untuk berusaha mencari rezeki. Beberapa rangkap seterusnya, kita akan dapati pula Kemala mendatangkan sebuah persoalan di mana beliau bertanya siapakah yang bertanggungjawab dalam membina sebuah tamadun serta jati diri; adakah tanggungjawab pendidik atau tanggungjawab penyair, atau mungkin ahli politik atau tanggungjawab peniaga? Dan di hujung rangkap beliau menyatakan bahawa tanggungjawab tersebut tidak mungkin diletakkan di bahu mereka sahaja yang merupakan seorang penyair dan pendidik (Kemala, 1995: 68):

Takkita sedari, uban memerak di kepala
Surat beban hari-hari, sekolah, kantor, karya
Dan anak-anak, kerja siapa membangun tamadun
Membina kota makna peribadi dan jatidiri?
Penyair atau guru, politikus atau pedagang?
Kalau cuma kita, tentulah dunia mentertawakan!

Selain itu, puisi yang menarik minat pengkaji untuk menganalisa elemen Islami dalam antologi (bahagian dua) ini ialah puisi “Kasih”, di mana Kemala berbicara tentang usaha manusia mencari cinta dan kasih sayang (Kemala, 1995: 71):

Bumi sudah lusuh, kasih pun sudah lusuh.
Kepercayaan juga turut lusuh.
Dan kasih juga turut lusuh. Tapi kau bersitahan mencari
Kasih dari benua ke benua.

Menerusi puisi ini dia menyatakan bahawa bumi ini sudah semakin usang dan tua, begitu halnya kasih manusia yang semakin lama semakin pudar. Pun begitu manusia masih berusaha mencari cinta manusia; dari satu tempat ke satu tempat yang lain; dari satu benua ke satu benua yang lain, walhal cinta dan kasih hakiki hanyalah cinta Allah yang Satu.


Adapun dalam puisi “Orangtua Sepi”, Kemala menggambarkan situasi orang tua yang tenggelam dalam kehidupan dunia, disibukkan dengan pakaian, perhiasan dan permainan seolah-olah mereka melupakan kematian yang pasti datang. Malang sekali kematian akhirnya datang juga menemui orang tua tersebut (Kemala, 1995: 77):

Mereka melupakan maut, tapi minggu lalu dalam
Senyap-senyap maut datang juga memeluk tiga
Orangtua...

Menurut pandangan pengkaji, puisi ini merupakan antara puisi yang paling menarik dalam antologi “Titit Zikir” (bahagian dua) untuk dikaji, kerana ayatnya yang jelas dan ungapannya yang tegas namun dalam masa yang sama memujuk manusia untuk sentiasa mengingati mati. Hakikatnya kematian itu suatu perkara yang pasti berlaku, bahkan Al-Quran juga ada menyebut tentang kematian, misalnya dalam surah Al-Imran ayat 185: ﴿كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ﴾, serta surah al-Nisa’ ayat 78: ﴿أَيُّنَمَا تَكُونُوا يُدْرِكْكُمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنْتُمْ فِي بُرُوجٍ مُّشِيدَةٍ﴾.

Akhir sekali di dalam puisi “Kepada Diri”, pemikiran Islam juga jelas terparap di mana Kemala bermuhasabah diri dan bertanya kepada dirinya sendiri: sejauh mana tahap dirinya sebagai seorang muslim? Manasikana membahaskan bahawa Kemala melalui puisi ini berpandangan bahawa dengan bermuhasabah seseorang dapat mengenal dirinya sendiri, dan siapa yang mengenal dirinya maka dia telah mengenal Tuhannya (Mana Sikana, 2015: 250). Dan pengkaji mendapati bahawa isi-isi yang terdapat dalam puisi ini serba sedikit menyamai dengan isi kandungan yang terdapat dalam puisi “Diri dan Cermin”, di mana Kemala membicarakan tentang nafsu diri manusia yang berkehendakkan kepada dunia lebih daripada akhirat. Lalu di sini beliau juga mengingatkan supaya kita bermuhasabah, khususnya apabila beliau menggunakan perkataan cermin dan kita mengetahui bahawa Kemala tidak memaksudkan cermin yang memantulkan gambaran zahir sahaja akan tetapi gambaran hati dan batin juga: Kamal, adakah diri tak mengenal cermin? (Kemala, 1995: 49).

Berdasarkan daripada analisa di atas, topik-topik yang dibawa oleh Kemala menerusi tujuh puisinya yang terdapat dalam antologinya “Titit Zikir” dapat dirumuskan seperti berikut:



Kesimpulan

Berdasarkan analisis pengkaji terhadap beberapa puisi Kemala yang terkandung dalam bahagian kedua daripada antologi "Titir Zikir" ini, dapat disimpulkan bahawa Kemala bukan hanya berkarya untuk keseronokan dan kegembiraan hatinya dan masyarakat sahaja, akan tetapi beliau mempunyai tujuan dan matlamat yang jelas ketika menulis dan berkarya, iaitulah untuk mendidik masyarakat, membina jati diri mereka, membawa mereka kepada Tuhan, serta mengingatkan mereka dengan nilai-nilai Islam yang pada hakikatnya semakin lenyap dalam dunia sastera moden pada hari ini. Setiap rangkap puisinya menggambarkan elemen-elemen Islam sama ada secara tersurat mahupun secara tersirat. Dengan ini dapat dikatakan bahawa Kemala sememangnya seorang sasterawan yang sangat mementingkan elemen-elemen Islam dalam penulisan sasteranya dan bahagian dua daripada antologi “Titir Zikir” telah

membuktikan perkara ini. Namun biarpun Kemala seorang sasterawan Melayu yang sentiasa mengetengahkan elemen-elemen Islami dalam karyanya, dapat dikatakan bahawa kajian atau kritikan sastra terhadapnya masih berada dalam jumlah yang sedikit. Justeru kajian ini mencadangkan supaya dijalankan lebih banyak kajian pada masa akan datang yang mengupas unsur-unsur Islami dalam karya-karya sasterawan tanah air, bukan hanya Kemala, malahan sasterawan lain juga.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai sepenuhnya oleh Realmz Consultant PTY melalui Grant SPI22-151-0151 (Sponsored Project- International) di bawah tajuk: “Arabic Literary Works of The Ulama’: The Impact on Societal Wellbeing”.

Rujukan

Al-Qurān al-Karim.

- Abu al-Yazid AbuZaid al- ‘Ajamy. (1991). *Dirāsah fi al-Fikri al-Islāmiy*. Al-Qāhirah: Dār al-Tauzi’ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, Jil.1.
- Adli Haji Yaacob. (2014). Mafhum al-Adab al-Islāmiy baina al-Udabā’ al-‘Arab wa al-Udabā’ al-Malāyuwiyyin bi Māliziya: Dirāsah Muqāranah. *Majallah al-Dirāsah al-Lughawiyah wa al-Adabiyyah*, 2, 184-211.
- Ahmad Nabil & Tasnim Abdul Rahman. (2020). Perkembangan Pemikiran Sastra Islam di Alam Melayu. *Jurnal ‘Ulwan*, Jilid 5 (1), pp. 155-168.
- Aisyah Ishak & Rosni Samah. (2018). Jamāliyat Syi’ru al- Ghazal al-Sufi ‘inda al-Syāir al-Māliziyyah, Ahmad Kamal Abdullah (Kemala). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, (Bil.17), pp. 125-160.
- Aqilah Ismail & Nursafira Ahmad Safian. (2019). Konsep Sastra Islam oleh Kemala dan al-Nadwi: Satu Perbandingan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, (Special Issue), pp. 464-472.
- Bernamea. (14 September 2018). *Kemala terima Anugerah Majlis Sastra Asia Tenggara*, <https://www.bharian.com.my/rencana/sastra/2018/09/473702/kemala-terima-anugerah-majlis-sastra-asia-tenggara>, dilayari pada 4 Januari 2022.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2016). Dokumentari Sasterawan Negara: *Dato’ Dr. Ahmad Kamal Abdullah (KEMALA)*.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2020). *Tokoh Anugerah Sastra Negara*, <http://lamanweb.dbp.gov.my/index.php/pages/view/330>, dilayari pada 3 Januari 2022.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (t.th). *Kemala: Sastra Negara Ke-11*, <http://klikweb.dbp.my/?p=4819>, dilayari pada 11 Jun 2023.
- Kemala. (1995). *Titir Zikir; dengan catatan Baha Zain*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn Bhd.
- Mana Sikana. (1983). *Pemikiran Islam dalam Sastra Melayu*. Kuala Lumpur: Trata Publishing & Trading Sdn.Bhd.
- Mana Sikana. (2015). *Sastra Negara di Takhta Keunggulan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, et.al. (2014). Pengaruh Islam dalam Perkembangan Intelektual di Alam Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, (Jilid 25), pp. 102-116.
- Muhammad Qutb. (1983). *Manhaj al-Fannu al-Islāmiy*. Beirut: Dār al-Syuruq.
- Nurul Hilwany Che Shaffine. (2015). Pemikiran Islam dalam ‘Ayn Karya Kemala. *Jurnal Melayu*, Bil. 14 (2), pp. 240-259.

- Rahmah Ahmad H. Osman, Adli Haji Yaacob. (2008). *Al-Islām wa al-Adab al-Malāyūwiy: Taḥlil lil Niqāsyāt fi Mālizia*. Malaysia: Al-Matba'ah al-Jāmi'ah al-Islamiyyah bi Māliziya, Jil.1.
- Rosni Samah. (t.th). Malāmih Ta'thīr al-Thaqāfah al-Islāmiyyah fi Bilād al-Malāyu, *Majallah Jāmi'ah Ummu al-Qurā*, 19, 341-346.
- Said Qutb. 1979. *Fī al-Tārikh Fikrah wa Manhāj*. Beirut: Dār al-Syuruq.